

Wacana

MENJELANG AIDILFITRI

# Belum terlambat lunas ZAKAT

Lebih \$42 juta dalam bentuk wang zakat bakal diagihkan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) kepada kesemua lapan asnaf yang wajib – fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, ibnussabil, garimin dan fribabilillah – pada tahun ini. Dari jumlah tersebut, hampir separuh daripadanya diperuntukkan bagi golongan yang kurang bernasib baik khususnya di bawah asnaf fakir dan miskin. Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bantuan zakat yang dihulurkan, Muis telah menjalankan sebuah kempen bertajuk 'Jangan Abaikan Mereka' pada Ramadan ini. Berikut BH menyenangkakan bantuan yang diberikan, serta iktikad kehidupan individu dan keluarga para penerima zakat.

► SHAMSUL JANGARODIN  
Penulis Sarbait

PENGUASA Zakat Singapura telah melanjutkan masa kutipan zakat di beberapa pusat pungutan zakat bagi membolehkan orang ramai melunaskan tanggungan zakat mereka. Pusat-pusat tersebut yang terletak di beberapa masjid di serata Singapura bakal membuka kaunter-kaunter zakat mereka hari ini sehingga lewat malam.

Bahkan sesetengah pusat pungutan zakat, seperti Masjid Haji Yusoff di Hillside Drive dekat Upper Serangoon dan Masjid Mujahidin di Stirling Road, bakal membuka kaunter sehingga pagi Hari Raya esok sebelum memulakan solat Aidilfitri.

Kesemua pusat-pusat tersebut menerima zakat baris dan zakat fitrah. Zakat fitrah pada tahun ini ditetapkan pada harga \$5.30 bagi kadar biasa – iaitu mereka yang makan beras gred biasa sebagai makanan seharian – dan \$7 bagi kadar lebih tinggi – iaitu mereka yang makan beras gred lebih tinggi, seperti beras basmati, sebagai makanan seharian.

Zakat fitrah juga dikenali sebagai zakat diri, zakat Ramadan dan zakat firi kerana masa untuk menyempurnakannya adalah pada sepanjang bulan Ramadan dan menjelang Hari Raya Aidilfitri, sebelum bermulanya solat Hari Raya Aidilfitri.

Dari segi hukum agama, ia berperanan sebagai penyempurnaan amalan puasa masyarakat Islam.

Nisab bagi zakat harta pula ditetapkan pada kadar \$5,008 bagi bulan Jun.

Selain bertemu amil di kaunter pusat pungutan zakat, Muis juga telah memperkenalkan pelbagai wadah pembayaran zakat secara elektronik seperti di dalam talian dan menggunakan aplikasi mudah alih.

Individu juga boleh membuat bayaran zakat menggunakan mesin ATM POSB dan DBS atau semua mesin AXS di serata negara.

Terhara kaedah bayaran menggunakan Kod QR telah mula dilaksanakan di kesemua pusat-pusat pungutan Zakat rasmi mulai tahun ini.

Menurut Timbalan Pengarah Sistem Asat dan Endowment Muis, Encik Masagos Isyak Amin, dengan adanya wadah-wadah pembayaran baru yang ringkas, cepat dan selamat, ini dapat mengurangkan kos transaksi dan mempermudahkan mereka yang ingin menunaikan zakat.

"Misalnya, dengan bertambahnya pembayaran zakat yang celik teknologi, Muis berharap untuk dapat meningkatkan transaksi tanpa tunai (cashless) dengan memperkenalkan kaedah pembayaran kod QR. Bersama-sama wadah elektronik lain yang disediakan, semua ini bukan sahaja mempermudahkan orang ramai untuk bertransaksi tanpa tunai, tetapi juga membolehkan mereka melakukan dengan cepat, mudah dan lebih penting lagi, selamat," kata Encik Masagos Isyak.

Menurut Muis, dalam tempoh antara 2015 hingga 2018, bayaran zakat secara elektronik meningkat 17 peratus.

Seperti bayaran di kaunter, bayaran zakat fitrah memerusi wadah-wadah elektronik perlu dilaksanakan sebelum solat Aidilfitri.

KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT HARTA / FITRAH

- Secara Tunai atau Cek (di Di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), 273 Broedel Road, Singapore 579702. Cek hartas dipungut dan bayaran dilulus atas nama Muis.
- Di Masjid-masjid atau Pusat-Pusat Pungutan Zakat Bertulisah yang diantuk Muis (lihat senarai Pusat Pungutan Zakat Bertulisah).
- Stesen AXS Bayaran Zakat Fitrah dan Zakat Harta boleh dibuat melalui NETS atau Cash Card di stesen-stesen AXS yang terletak di serata Singapura.
- Secara Online Melalui eNets Debit Sila lursuri laman [www.zakat.sg](http://www.zakat.sg)
- Secara Ansuran Bulanan Melalui GIRO Muat turun borang GIRO di [www.zakat.sg](http://www.zakat.sg), isi dan hantarkan kepada Muis.
- Institut Kewangan – Eksklusif Untuk Pelanggan (a) Fortis CIMB Clicks (b) Akuan Al-Wadiah OCBC (c) DBS/POSB: – ATM – Pertarikan Internet di <https://internet banking.dbs.com.sg> – Aplikasi telefon Bijak DBS, POSB atau PayLah!

JANGAN ABAIKAN MEREKA...



**CIK RASIDAH EBUS, 55 TAHUN**  
Seorang suri rumah dan peniaga tetap anaknya yang menghidap cerebral palsy, Mikail, 13 tahun, tidak boleh bercakap atau bergerak dengan sendiri dan memerlukan ibunya untuk menguruskan setiap keperluannya seperti menyapu/makan dan mengantarnya ke sekolah di Pusat Rainbow. Ekoran itu, Cik Rasidah tidak mampu bekerja. Meskipun begitu, Cik Rasidah bukan seseorang yang akan menopang dapat membekalkan tentang nasibnya. Sebaliknya, setiap masa Mikail tidak memelukannya, beliau akan melakukan pelbagai aktiviti lain seperti bermain kecil-kecilan dari rumah atau membantu secara sukarela di masjid mengagihkan hidangan makanan kepada mereka yang memerlukan. Beliau bersyukur kerana Zakat yang diterima bukan sahaja membantu kewangan keluarga, tetapi juga mendekatkannya dengan pelbagai aktiviti di masjid, khususnya kerja-kerja sukarela.



**ENCIK REMY JAFFAR, 45 TAHUN**  
Beliau seorang bujang yang tinggal seorang diri di sebuah flat sewa dua bilik. Selinggga kini, Encik Remy masih mencari pekerjaan tetap yang sesuai. Ini kerana beliau menghadapi penyakit Sindrom Guillain Barre, sejenis penyakit saraf yang merembat otot-ototnya lemah. Ekoran itu, beliau tidak mampu melakukan kerja-kerja berat. Tambahan lagi, Encik Remy tidak tahu bertutur dalam Bahasa Inggeris dan buta huruf. Meskipun masih mempunyai seorang abang dan ibu, mereka berdua tinggal di luar Singapura. Disebabkan itu, Encik Remy sering rasa kesunyian tinggal seorang diri, dan tanpa pekerjaan tetap, Zakat yang diterimanya setiap bulan menjadi penyambung nyawa untuk dirinya meneruskan kehidupan.



**ENCIK MOHAMAD SALLEH THAHIB, 47 TAHUN**  
Beliau disahkan doktor tidak dapat bekerja ekoran pelbagai penyakit kronik termasuk masalah jantung dan paru-paru. Lebih membezakan lagi keadaan keahliannya, isterinya yang tersayang meninggal dunia tahun lalu akibat penyakit osteomielitis, sejenis jangkitan pada tulang yang serius, serta masalah jantung dan buah pinggang. Kini zakat yang diterima menjadi sinar harapan untuk beliau meneruskan kelibutapan bersama kededua anak perempuannya yang masih bersekolah.



**ENCIK NIQ WANDY @ BALDEV SINGH, 33 TAHUN**  
Seorang muallaf dan hapa kepada dua anak perempuan. Beliau menerima bantuan dari Masjid Al-Mawaddah di Sengkang sejak 2017. Bantuan tersebut didaparkannya ekoran keadaan penyakit jantung yang bertambah teruk dan beliau perlu menjalani satu pembedahan. Semerjak itu beliau tidak mampu bekerja. Penyakit jantung itu sesuatu yang tidak diidaganya kerana sebelum ini beliau aktif bermain bola sepak termasuk bagi beberapa kelab tempatan. Namun begitu, beliau tidak jackson kesihatannya satu hambatan untuk beliau bangkit kembali. Dengan wang Zakat yang diterimanya, beliau amat bersyukur kerana ia menampungnya buat sementara waktu. Kini beliau tekad untuk kembali bekerja dan berharap zakat yang diterimanya dapat dibentangkan dan diberikan kepada orang lain yang lebih memerlukan.



**CIK JAINAH AWANG, 70 TAHUN**  
Meskipun kini di usia senja, Cik Jainah masih memainkan peranan besar sebagai anak istimewanya yang berusia 40 tahun. Amalnya Shamsul memilik IQ yang rendah, tidak boleh berbuli dan payah untuk bergerak. Segala keperluannya, termasuk meryapu makanan dan membentangkan dirinya dilakukan oleh Cik Jainah. Selain itu, beliau juga perlu menjaga tiga orang cucunya – ibu hapa mereka tidak dapat menjaga atau sedang menjalani hukuman penjara. Kelima-lima mereka tinggal di sebuah flat sewa yang kecil. Bagi Cik Jainah, Zakat yang diterimanya setiap bulan membantu membayar perbelanjaan seharian, terutama bagi uiax-utamanya.



**SHAZWAN MANSOOR, 18 TAHUN**  
Selain memiliki impian yang besar, Shazwan merupakan seorang remaja yang celak setelah mengaharungi pelbagai cabaran – ibu bapanya berpisah sejak beliau kecil lagi, namun itu tidak menjejaskannya dapat mencapai prestasi terbaik di Madrasah Al-Jumud Al-Islamiyah. Dia juga bersyukur kerana Skim Bantuan Dana Kemajuan Madrasah (Promus), sebuah dana bantuan yang ditampung Zakat bagi para pelajar kurang berkemampuan, telah membantu keluarganya. Pada suatu masa itu beliau pernah melakukan dua pekerjaan semata-mata untuk menampung keluarganya. Baru-baru ini Shazwan turut menerima Dermawisya Muis dari Lembaga Biasiswa Kemangan Maulud (LBKM) – yang turut ditampung dari wang Zakat yang disumbangkan ke Muis – bagi membiayai sebahagian kos pengajiannya di Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir. Shazwan kini menuntuti di Mesir.